

11/05/1998

Ada anggap rasuah tidak keji

Mohamad Farid

KITA semua tahu rasuah adalah perbuatan yang keji. Apabila kita sebut perbuatan yang keji, teringatlah kita mengenai perbuatan menghisap dadah, menghidu najis (dilakukan oleh penagih dadah) atau pembunuhan kejam (dengan mengerat anggota badan), tetapi kita tidak teringat mengenai rasuah. Kita tidak dapat mengaitkan perbuatan rasuah dengan perbuatan yang keji.

Ada di kalangan kita sendiri yang masih tidak tahu dan tidak dapat membezakan yang mana satu perkara keji ataupun tidak. Antara yang halal dan haram. Perkara yang dilarang dan dituntut oleh agama. Maka berlakulah perbuatan seperti rasuah. Pada masa yang sama, kita tidak menafikan ada di antara mereka yang mengetahuinya tetapi buat-buat tidak tahu, ataupun "tutup sebelah mata".

Demi mendapat segala pangkat, kekuasaan dan pengaruh, taktik kotor dilakukan, rasuah diamalkan, teori Machiavelli dipraktikkan. Mungkin teori Machiavelli yang berbunyi 'matlamat menghalalkan cara' menjadi sumber rujukan dan sekali gus menafikan sumber rujukan al-Quran dan Al-hadis itu sendiri. Hukum ditunggang terbalikkan, yang haram dihalalkan, nasihat ulama diketepikan. Itulah yang kita takutkan.

Rasuah ertinya mengambil segala keperluan dan kemahuan orang yang bukan merupakan haknya. Dia tidak kira asalkan perutnya kenyang, poketnya penuh dengan wang. Sesuatu perkara yang sepatutnya menjadi hak A, tetapi B yang mendapatnya. Ini menyebabkan hak seseorang yang berhak itu dinafikan!

Al-Quran dan Hadis (maksudnya) ada menyebut dengan tegas perbuatan rasuah.

"Dan kamu akan melihat kebanyakan dari mereka (orang-orang Yahudi) bersegera melakukan dosa, permusuhan dan memakan yang haram. Sesungguhnya amat buruk apa yang mereka kerjakan." (Al-Maidah: 62)

"Allah mengutuk perasuah, orang yang menerima rasuah dan perantara rasuah antara keduanya." (Ath Thibrani dan rabi)

"Semua daging yang tumbuh atas tubuh hasil daripada memakan makanan haram tidak ada benda yang lebih mustahak jilat dia melainkan api neraka."

"Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim-hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan jalan berbuat dosa, pada hal kamu mengetahui". (Al-Baqarah: 188)

Menyedari betapa seriusnya kesan gejala rasuah terhadap masyarakat dan negara, nampaknya peringkat kerajaan dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) khususnya semakin serius menanganinya. Tahniah dan syabas diucapkan. Penguatkuasaan dan undang-undang serta siasatan harus dilakukan dari semasa ke semasa. Dari peringkat bawahan hingga atasan. Dari peringkat pengikut hingga pemimpin. Tidak ada sesiapa pun terkecuali.

Sebagaimana kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sesiapa saja yang melakukan rasuah pasti dihukum tanpa mengira kedudukan. Kita tidak mahu "ikan-ikan bilis" yang melakukan perbuatan ini ditangkap tetapi "jerung-jerung besar" yang berkeliaran terlepas kerana jerung inilah yang memakan ikan lain.